

Kefahaman Dan Pengamalan Sunnah Dalam Kalangan Mahasiswa Di Malaysia: Satu Kajian Literatur

[Understanding And Practice Of Sunnah Among University Students In Malaysia: A Literature Review]

Nor Amni Bazilah Binti Mohd Zain (*Corresponding author*)

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, 02000 Perlis,
noramnibazilah@unisiraj.edu.my

Muaz Bin Mohd Ghani Basri

Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, 02000
Perlis,
muazghanibasri@unisiraj.edu.my

Nur Fatin Nabilah Shahrom

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, 02600
Arau, Perlis.
fatinnabilahshahrom@uitm.edu.my

Article

Progress:

Submission date:
20-11-2025

Accepted date:
15-12-2025

ABSTRACT

Sunnah is the second most important source in Islam after Qur'an and serves as a fundamental guide in shaping the way of life of Muslims. Sunnah are collections of the reported sayings, actions and tacit approvals of the Prophet Muhammad which collectively serve as role-models for the entire Muslim community. In the development of a Muslim's identity, understanding Sunnah constitutes a crucial foundation for shaping one's worldview and lifestyle, particularly among university students. This is due to university students represent a group of young intellectuals who play a significant role in shaping the future of society and the nation. Therefore, their level of understanding of Islamic principles, especially Sunnah requires serious attention. A good understanding on Sunnah can enable them to become agents of change grounded in Islamic values. However, in the modern era marked by the challenges of globalization, social media, and various external influences, the questions arise regarding the extent to which Muslim university students truly understand Sunnah and practice it in their daily life. In this regard, the study is conducted to examine the understanding of Sunnah among Muslim university students in Malaysia. The objective of this study is to identify the main findings of previous studies and to explore research gaps related to the understanding and practice of Sunnah among university students in higher education institutions. Accordingly, this study adopts a qualitative research approach using a literature review method. Secondary data are collected from previous scholarly sources such as journal articles, books, theses, and official documents related to students' understanding of the Sunnah. The findings of this study are expected to identify existing research gaps concerning the understanding and practice of the Sunnah among university students in Malaysia and to propose directions for future

research aimed at strengthening Sunnah understanding among the younger Muslim generation, particularly university students in higher education institutions in Malaysia.

Keywords: *Sunnah, young generation, muslim university student, higher education institution.*

PENDAHULUAN

Sunnah merupakan amalan, perkataan, dan pengakuan Nabi Muhammad SAW yang menjadi panduan dalam kehidupan seharian bagi umat Islam. Kefahaman sunnah dalam kehidupan seseorang Muslim tidak hanya memberikan panduan dalam aspek keagamaan tetapi juga memberi kesan positif dalam aspek moral, sosial, dan mental. Dalam ayat al-Quran ada menyebut tentang Nabi Muhammad SAW adalah sebaik-baik contoh teladan yang perlu diikuti dalam segenap aspek kehidupan.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Sungguh, telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari Kiamat dan yang banyak mengingat Allah” (QS. Al-Ahzab, 33:21)

Walau bagaimanapun, kefahaman sunnah dalam kalangan generasi muda khususnya mahasiswa seringkali menjadi persoalan yang perlu diberi perhatian serius. Hal ini kerana kurangnya kefahaman agama khususnya kefahaman sunnah akan menyebabkan seseorang itu sukar mencapai kebahagiaan hidup (Mokhtar & Mohd Noor, 2021). Pengamalan sunnah ini merupakan salah satu bukti ketaatan kepada Rasulullah SAW. Pengamalan Sunnah bukan hanya tertumpu kepada perkara berkaitan pelaksanaan hukum Syariah sahaja, bahkan pengamalan sunnah juga meliputi penghayatan akhlak Islam yang syumul (Nik Hassan & Ismail, 2018). Rasulullah SAW menjadi contoh tauladan yang amat baik dalam semua aspek kehidupan manusia. Ketinggian akhlak Rasulullah SAW mendapat pujian Allah SWT melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

“Dan bahawa sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang mulia”.

(QS. Al Qalam, 68:4)

LATAR BELAKANG MASALAH

Antara cabaran utama umat Islam pada hari ini adalah tidak dapat mengamalkan sunnah secara konsisten. Puncanya adalah kerana kurangnya kefahaman tentang Sunnah dalam kalangan umat Islam khususnya mahasiswa di Malaysia (Syafiuddin et.al., 2023). Hal ini kerana kebanyakan mahasiswa tidak mendapat pendedahan yang mendalam tentang sunnah atau pendedahan yang diterima tidak disampaikan dengan cara yang berkesan. Menurut Hafiy et.al. (2021), salah satu puncanya kerana kurangnya pengetahuan dan kegagalan memahami definisi Sunnah dengan kefahaman yang benar.

Amalan Sunnah dalam kehidupan seharian mahasiswa juga dilihat semakin terhakis. Dalam dunia yang semakin moden dan canggih ini, mahasiswa sering kali lebih terdedah kepada pengaruh luar terutama pengaruh barat yang tidak selari dengan ajaran Islam. Media sosial, hiburan, dan rakan sebaya boleh menjadi faktor yang menghalang kefahaman dan penghayatan sunnah semakin terhakis (Muhammad Ali, 2013). Ketidakupayaan mahasiswa untuk menyeimbangkan antara tuntutan duniawi dan ukhrawi boleh membawa kepada pengabaian amalan-amalan sunnah dalam kehidupan seharian mereka.

Selain itu, pengetahuan yang cetek tentang sunnah juga merupakan faktor yang menyebabkan generasi hari ini tidak mengamalkan sunnah Nabi SAW (Wan Nornabilah et.al., 2023). Mereka hanya menganggap sunnah ini hanya untuk pelajar agama atau ustaz ustazah sahaja dan akhirnya mereka tidak mahu mempelajari sunnah. Jadi, kurangnya kesedaran tentang kepentingan mempelajari dan mengamalkan sunnah boleh menyebabkan mereka gagal untuk menerapkan sunnah dalam kehidupan seharian. Sedangkan, sunnah itu merupakan satu gaya hidup yang sangat disarankan kepada umat Nabi Muhammad SAW kerana ianya merupakan jalan untuk mencapai cinta Allah SWT seperti yang dinyatakan melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

“Katakanlah (wahai Muhammad), "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu dan mengampuni dosa-dosamu." Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang.” (QS. Ali Imran, 3:31)

Justeru itu, mengikuti dan mengamalkan sunnah ini penting dalam kehidupan sebagai seorang muslim. Pengamalan Sunnah merupakan jalan terbaik untuk mendekati Allah seterusnya

mendapatkan cinta dari Yang Maha Pencipta. Tambahan pula, Sunnah memberikan satu impak yang besar kepada mahasiswa terutama dari aspek perubahan akhlak dan peribadi bagi mereka yang mengamalkannya (Hafiy et.al., 2021). Jika seseorang pelajar tidak mempunyai identiti dan rujukan dalam diri, ia akan membawa seseorang menyimpang jauh dari tujuan hidup yang sebenar. Ini terbukti apabila gejala sosial di Malaysia yang semakin hari tidak dipedulikan oleh masyarakat dan mula menular dikalangan diri pelajar kerana ketiadaan pendirian hidup (Baharom, Ali & Za'aba, 2008). Perlu ditegaskan permasalahan ini tidak boleh dipandang ringan kerana institusi Pendidikan seperti institute pengajian tinggi merupakan tempat proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti kefahaman dan pengamalan Sunnah dalam kalangan mahasiswa Muslim di Malaysia. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti dapatan-dapatan utama kajian lepas, jurang penyelidikan yang berkaitan dengan kefahaman sunnah dan pengamalannya dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi di Malaysia.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah penting kerana ia dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai realiti kefahaman dan pengamalan sunnah dalam kalangan mahasiswa Muslim di Malaysia. Dengan mengenalpasti kefahaman terhadap Sunnah dalam kalangan mahasiswa, pihak universiti dan pihak-pihak berkaitan dapat merangka program-program yang lebih berkesan untuk meningkatkan kefahaman sunnah di kalangan mahasiswa Muslim khususnya di UniSIRAJ bagi mencapai Hasrat universiti "Di Sini Pencinta Sunnah Dilahirkan". Di samping itu, analisa terhadap amalan Sunnah dalam kehidupan seharian mahasiswa juga dapat membantu dalam menilai keberkesanan program-program yang telah dijalankan serta mengenalpasti ruang-ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan.

Tambahan lagi, kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada mahasiswa itu sendiri. Dengan memahami dan mengamalkan sunnah, mahasiswa dapat membina peribadi yang lebih baik, serta mampu untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam kehidupan dengan lebih berkesan. Sunnah yang diamalkan secara konsisten dapat membantu dalam memperkukuhkan jati diri sebagai seorang muslim dan meningkatkan keyakinan diri dalam menghadapi segala ujian dan dugaan hidup.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menumpukan kepada teknik sorotan literatur. Pendekatan kajian kualitatif dipilih kerana kesesuaian untuk meneroka fenomena yang kompleks dan sukar diukur secara kuantitatif seperti kefahaman dan pengamalan mahasiswa terhadap Sunnah. Menurut Susanto et al. (2024), kajian kualitatif membolehkan penyelidik memahami makna, tafsiran dan pengalaman manusia secara mendalam melalui analisis data bukan berangka. Pendekatan ini juga memberi tumpuan kepada konteks dan makna yang dikaitkan dengan fenomena sosial menjadikannya sesuai digunakan dalam kajian yang berasaskan nilai keagamaan dan budaya.

Dalam kajian ini, teknik kajian kepustakaan diaplikasikan dengan mengumpul dan menganalisis sumber data sekunder seperti artikel jurnal, buku ilmiah, tesis dan dokumen rasmi yang berkaitan dengan kefahaman serta pengamalan Sunnah dalam kalangan mahasiswa. Kaedah ini membolehkan penyelidik meneliti, menilai dan menafsir pandangan serta penemuan ilmiah terdahulu secara sistematik bagi membentuk gambaran yang menyeluruh terhadap isu yang dikaji. Ndhlovu dan Pasipamire (2022) menjelaskan bahawa analisis data sekunder melalui kajian kepustakaan berupaya mengenalpasti tema, pola dan jurang penyelidikan yang wujud dalam literatur sedia ada sekaligus membantu memperkukuh asas teori dan kerangka konseptual kajian.

Tambahan pula, penggunaan pendekatan ini bersesuaian dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia. Kajian oleh Mohd Latif et al. (2024) menegaskan bahawa kaedah kualitatif membolehkan penilaian yang lebih realistik terhadap pelaksanaan dan kefahaman sesuatu isu dalam persekitaran akademik. Begitu juga, kajian oleh *Malaysian Journal of Library & Information Science* (2022) menunjukkan bahawa analisis kualitatif berasaskan kajian literatur penting dalam menilai peranan, kefahaman dan amalan dalam kalangan warga akademik. Oleh itu, pendekatan kualitatif melalui teknik kajian kepustakaan dianggap paling sesuai bagi mencapai objektif kajian ini iaitu memahami secara mendalam kefahaman dan pengamalan mahasiswa terhadap Sunnah berdasarkan penemuan ilmiah terdahulu.

DAPATAN KAJIAN

Kefahaman dan pengamalan sunnah sebagai suatu amalan harian turut menjadi satu perbincangan dalam kalangan ahli akademik. Terdapat beberapa kajian terhadap kefahaman dan pengamalan sunnah bagi mahasiswa muslim khususnya di institut pengajian tinggi di Malaysia.

Dalam satu kajian yang telah dijalankan oleh Sa'adah Ramli et.al. (2023), kajian bertajuk "Pengamalan Sunnah Rasulullah SAW oleh Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia" ini

dijalankan untuk menilai tahap pengetahuan serta pengamalan sunnah Rasulullah SAW dalam kalangan mahasiswa tahun dua Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah soal selidik yang diedarkan kepada 30 orang responden. Analisis data dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS melibatkan kekerapan, peratusan dan min. Hasil kajian terhadap aspek pengamalan sunnah, membaca bismillah dan doa sebelum makan merupakan amalan yang kerap dilakukan iaitu dengan skor min 4.60 dan secara keseluruhannya pengamalan sunnah di kalangan pelajar tahun 2 adalah pada tahap tinggi dengan skor min 3.81. Walaupun pengamalan sunnah bukan tahap min yang sangat tinggi tetapi masih lagi diamalkan dikalangan pelajar. Kajian ini merumuskan bahawa mahasiswa memiliki pengetahuan yang baik terhadap sunnah dan turut mengaplikasikannya dalam kehidupan, namun tahap amalan berbeza mengikut jenis sunnah yang diamalkan.

Kajian ini masih mempunyai beberapa jurang yang boleh diterokai oleh penyelidik seterusnya. Pertama, skop kajian yang terhad kepada 30 orang mahasiswa Fakulti Pengajian Islam UKM menyebabkan dapatan tidak boleh digeneralisasikan kepada mahasiswa daripada fakulti lain atau universiti berbeza. Hal ini penting kerana latar belakang akademik dan persekitaran pendidikan berkemungkinan mempengaruhi tahap pengetahuan serta pengamalan sunnah. Kedua, kajian hanya menekankan aspek pengetahuan dan kekerapan amalan, tanpa menilai tahap penghayatan sunnah secara mendalam. Penghayatan melibatkan dimensi kerohanian, kesedaran dalaman dan keikhlasan, yang merupakan aspek penting dalam memahami keberkesanan amalan sunnah terhadap kehidupan mahasiswa. Ketiga, pendekatan kajian kuantitatif semata-mata melalui soal selidik tidak memberi ruang untuk memahami pengalaman, cabaran, dan motivasi mahasiswa secara lebih mendalam. Oleh itu, penggunaan pendekatan kualitatif seperti temu bual atau perbincangan kumpulan berfokus wajar dipertimbangkan bagi memperoleh data yang lebih menyeluruh. Keempat, instrumen soal selidik yang digunakan lebih tertumpu kepada amalan sunnah rutin harian seperti tidur menghadap ke kanan, membaca doa sebelum makan, memberi salam dan bersalam sedangkan sunnah dalam dimensi yang lebih luas seperti ibadah sunat khusus, kepimpinan berteraskan sunnah dan akhlak sosial masih kurang diketengahkan. Akhir sekali, kajian ini tidak menghubungkan tahap pengamalan sunnah dengan kesan kepada pembentukan akhlak, motivasi akademik, kesejahteraan psikologi atau perkembangan rohani mahasiswa. Aspek ini penting kerana amalan sunnah seharusnya memberi impak kepada keseimbangan intelektual, spiritual dan sosial dalam diri mahasiswa.

Dalam kajian oleh Nur Nazatul Husnina et.al. (2023), kajian bertajuk **“Penghayatan Mahasiswa di Kolej Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap Amalan Sunnah Rasulullah SAW”** ini dijalankan untuk mengenal pasti konsep sunnah menurut perspektif Islam serta menilai tahap pengetahuan mahasiswa di kolej UKM terhadap amalan sunnah Rasulullah SAW. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan soal selidik kepada 30 orang responden daripada pelbagai fakulti. Soalan yang dikemukakan merangkumi demografi responden serta pengetahuan asas tentang sunnah, termasuk definisi, hukum dan contoh amalan sunnah harian. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan mahasiswa berada pada tahap memuaskan, di mana majoriti responden mengetahui amalan sunnah asas seperti makan dan minum dengan tangan kanan, bersiwak, dan membasuh tangan sebelum makan. Kesemua responden juga bersetuju bahawa mengamalkan sunnah Rasulullah dapat meningkatkan rasa cinta kepada Allah dan Rasulullah. Secara keseluruhan, kajian ini menekankan bahawa walaupun mahasiswa sedar tentang kepentingan sunnah, masih terdapat ruang untuk memperkukuh kefahaman mendalam dan penghayatan sunnah dalam kehidupan seharian mereka.

Walau bagaimanapun, kajian ini bagaimanapun menunjukkan beberapa jurang yang boleh diterokai oleh penyelidik seterusnya. Pertama, saiz sampel yang terhad kepada 30 orang mahasiswa kolej UKM tidak mencukupi untuk mewakili keseluruhan populasi mahasiswa, justeru skop kajian wajar diperluaskan melibatkan universiti lain dan jumlah responden yang lebih besar. Kedua, fokus kajian hanya menilai tahap pengetahuan asas tanpa menyentuh aspek penghayatan sunnah yang lebih mendalam seperti kesedaran rohani, keikhlasan, dan nilai spiritual yang diperoleh daripada amalan sunnah. Ketiga, pendekatan kajian yang hanya menggunakan soal selidik kuantitatif tidak mampu menggali pengalaman, cabaran dan motivasi sebenar mahasiswa, justeru penggunaan kaedah kualitatif seperti temu bual atau perbincangan kumpulan berfokus adalah lebih sesuai bagi mendapatkan gambaran yang lebih holistik. Keempat, pengukuran amalan sunnah dalam kajian ini terbatas kepada rutin harian seperti makan, minum, bersiwak dan membasuh tangan, sedangkan dimensi sunnah yang lebih luas seperti akhlak sosial, ibadah sunat khusus, kepimpinan dan pengurusan kehidupan berasaskan sunnah masih kurang diterokai. Akhir sekali, kajian ini tidak menghubungkan tahap pengetahuan sunnah dengan impak terhadap akhlak, pencapaian akademik, kesejahteraan psikologi dan pembinaan jati diri mahasiswa, sedangkan dimensi ini amat penting untuk menilai keberkesanan sunnah sebagai panduan hidup yang menyeluruh.

Dalam kajian oleh Syafiuddin Ahmad et.al. (2023) bertajuk **Penghayatan Sunnah Di Kalangan Mahasiswa Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia**, kajian ini dilaksanakan untuk meneliti tahap **penghayatan sunnah Rasulullah SAW dalam kalangan mahasiswa Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**. Objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti kefahaman mahasiswa terhadap konsep sunnah serta menilai tahap pengamalan dan penghayatan sunnah dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik dengan saiz sampel sebanyak 63 responden. Analisis data dilakukan menggunakan SPSS melibatkan kekerapan, peratusan dan jumlah. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan sunnah dalam kalangan Mahasiswa Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia adalah sangat baik.

Dari segi penghayatan dan amalan sunnah yang selalu diamalkan ialah makan mengikut pemakanan sunnah adalah tindakan yang biasa diamalkan kekerapan selalunya (4). Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa tahap penghayatan dan amalan sunnah dalam kalangan mahasiswa berada pada tahap yang tinggi.

Walaupun kajian ini memberikan gambaran tentang penghayatan sunnah dalam kalangan mahasiswa, terdapat beberapa jurang yang boleh diterokai oleh penyelidik seterusnya. Pertama, skop responden masih terhad kepada 40 orang mahasiswa Fakulti Pengajian Islam di UKM, menyebabkan dapatan tidak dapat digeneralisasikan kepada mahasiswa fakulti lain atau universiti berbeza. Kedua, fokus kajian lebih tertumpu kepada pengetahuan dan kekerapan amalan sunnah, tanpa menilai secara mendalam aspek penghayatan rohani dan kesedaran spiritual mahasiswa terhadap sunnah. Ketiga, pendekatan kuantitatif semata-mata tidak membolehkan penyelidik memahami pengalaman, cabaran dan motivasi mahasiswa dalam mengamalkan sunnah; maka pendekatan kualitatif wajar dipertimbangkan untuk data yang lebih mendalam. Keempat, jenis amalan sunnah yang dinilai lebih kepada sunnah rutin harian, sedangkan sunnah dalam dimensi yang lebih luas seperti ibadah sunat khusus, akhlak sosial, kepimpinan berasaskan sunnah dan pengurusan kehidupan tidak diperincikan. Akhir sekali, kajian ini tidak menghubungkan pengamalan sunnah dengan kesan terhadap pembentukan akhlak, motivasi akademik, kesejahteraan psikologi atau perkembangan jati diri mahasiswa, sedangkan aspek ini penting untuk memahami impak sebenar sunnah dalam pembentukan sahsiah mahasiswa Muslim.

Kajian oleh Hafiy et.al. (2021) bertajuk **“Pengamalan Sunnah Dalam Kalangan Pelajar Islam di Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial di Universiti Selangor”** ini membincangkan tahap

pengetahuan dan amalan sunnah Rasulullah SAW dalam kalangan pelajar Islam. Kajian berbentuk deskriptif kuantitatif ini melibatkan 50 orang responden melalui soal selidik yang dianalisis menggunakan SPSS versi 22.0. bentuk soal selidik yang pertama berkaitan dengan tahap pengetahuan responden terhadap sunnah nabi SAW seperti Sunnah adalah hanya perbuatan Nabi Muhammad SAW, Sunnah adalah hanya percakapan Nabi Muhammad SAW, Sunnah adalah hanya taqir Nabi Muhammad SAW, Allah memberi ganjaran kepada mereka yang melakukan sunnah, Sunnah terdapat di dalam Al-Quran, Sunnah keadaan yang dah lapok dan tidak perlu diikuti, Sunnah memberikan kebaikan kepada seseorang, Sunnah dan hadis adalah sama, Sunnah hanya untuk lelaki, dan solat merupakan amalan sunnah. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan tentang sunnah adalah sederhana (45.4%). Soal selidik kedua pula berkaitan pengamalan sunnah dari sudut percakapan dan perbuatan seperti bercakap dengan lemah lembut, mengucapkan terima kasih dan menegur seseorang dengan cara yang baik. Kajian merumuskan bahawa walaupun tahap pengetahuan pelajar mengenai sunnah agak sederhana, mereka masih berusaha mengamalkan sunnah dalam kehidupan harian. Perkara ini dilihat memberi kesan positif terhadap pembinaan sahsiah dan akhlak pelajar. Artikel turut mencadangkan peranan universiti untuk memperbanyakkan program kerohanian, kursus wajib akhlak Islam, dan kaedah dakwah yang relevan bagi meningkatkan kefahaman serta penghayatan sunnah di kalangan mahasiswa.

Walaupun kajian ini memberikan gambaran tentang tahap pengetahuan dan pengamalan sunnah dalam kalangan pelajar Islam di Universiti Selangor, terdapat beberapa jurang kajian yang wajar diberi perhatian. Pertama, skop responden adalah terhad kepada 50 orang pelajar daripada satu fakulti sahaja, menyebabkan dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada konteks lebih luas seperti pelajar dari fakulti lain atau institusi pengajian tinggi berbeza. Kedua, hasil kajian menunjukkan percanggahan yang ketara antara tahap pengetahuan yang sederhana dengan tahap pengamalan sunnah yang tinggi. Jurang ini menimbulkan persoalan tentang faktor lain yang mempengaruhi amalan sunnah, seperti suasana kampus, peranan pensyarah, pengaruh keluarga, atau penglibatan dalam aktiviti persatuan Islam. Ketiga, kajian ini lebih menekankan aspek amalan sunnah yang bersifat zahir seperti perbuatan dan percakapan, sedangkan penghayatan dalaman seperti niat, kesedaran maqasid sunnah, serta pengaruh kerohanian tidak diterokai secara mendalam. Keempat, pendekatan penyelidikan hanya bergantung kepada soal selidik kuantitatif, tanpa dilengkapi dengan data kualitatif seperti temu bual atau perbincangan kumpulan berfokus yang berpotensi menjelaskan cabaran, motivasi, serta pengalaman pelajar dalam mengamalkan sunnah. Akhir sekali, walaupun isu gejala sosial disebut sebagai latar

permasalahan, kajian tidak menganalisis secara mendalam hubungan antara tahap pengamalan sunnah dengan pencegahan gejala sosial dalam kalangan mahasiswa. Kesemua jurang ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan yang lebih komprehensif dan bersifat multidimensi. Berikut merupakan jadual ringkasan berkaitan dengan dapatan kajian-kajian lepas:

Jadual 1: Rumusan Kajian Lepas Berkaitan Kefahaman dan Pengamalan Sunnah Dalam Kalangan Mahasiswa

Bil.	Penulis & Tahun	Tajuk Kajian	Reka Bentuk & Kaedah Kajian	Sampel	Dapatan Utama	Jurang Kajian / Cadangan Kajian Lanjutan
1	Sa'adah Ramli et al. (2023)	Pengamalan Sunnah Rasulullah SAW oleh Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia	Kuantitatif – Soal selidik, analisis SPSS (kekerapan, peratusan, min)	30 mahasiswa tahun dua, Fakulti Pengajian Islam, UKM	Pengamalan sunnah pada tahap tinggi (min 3.81). Amalan paling kerap: membaca bismillah dan doa sebelum makan (min 4.60).	Skop kecil (30 responden), tidak menilai aspek penghayatan rohani, pendekatan kuantitatif tidak mendalam, tumpuan pada sunnah rutin harian sahaja.
2	Nur Nazatul Husnina et al. (2023)	Penghayatan Mahasiswa di Kolej Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap Amalan Sunnah Rasulullah SAW	Kuantitatif – Soal selidik	30 mahasiswa pelbagai fakulti, Kolej UKM	Pengetahuan sunnah berada pada tahap memuaskan; kesedaran terhadap kepentingan sunnah tinggi.	Sampel kecil, tidak menilai aspek rohani dan spiritual, perlunya pendekatan kualitatif, tidak menilai hubungan antara amalan sunnah dengan akhlak dan jati diri.
3	Syafiuddin Ahmad et al. (2023)	Penghayatan Sunnah di Kalangan Mahasiswa Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia	Kuantitatif – Soal selidik, analisis SPSS	63 mahasiswa FPI, UKM	Tahap penghayatan dan amalan sunnah tinggi; amalan paling biasa: pemakanan sunnah.	Responden terhad kepada satu fakulti, tidak menilai dimensi rohani, pendekatan kuantitatif sahaja; tidak hubungkan pengamalan sunnah dengan sahsiah atau kesejahteraan pelajar.
4	Hafiy et al. (2021)	Pengamalan Sunnah Dalam Kalangan Pelajar Islam di Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor	Kuantitatif – Soal selidik, analisis SPSS	50 pelajar Islam, Universiti Selangor	Tahap pengetahuan sederhana (45.4%), tetapi pengamalan sunnah tinggi; amalan percakapan dan perbuatan positif.	Saiz sampel kecil; percanggahan antara pengetahuan dan amalan, tidak menilai aspek kerohanian; hanya soal selidik kuantitatif, tidak hubungkan dengan pencegahan gejala sosial.

Sumber: Olahan penyelidikan berdasarkan kajian lepas.

Konsep Sunnah

Dalam disiplin ilmu hadis, terdapat beberapa istilah asas yang perlu difahami oleh penuntut ilmu agar perbincangan tentang hadis dapat difahami dengan tepat. Istilah al-Hadis (الحديث) merujuk kepada segala perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW sama ada berupa perbuatan, perkataan, persetujuan (taqrir), sifat fizikal, mahupun akhlaknya, sama ada sebelum atau selepas Baginda dilantik menjadi Rasul. Sementara itu, istilah al-Sunnah (السنة) di sisi ulama hadis membawa maksud yang sama dengan al-Hadis, namun tafsirannya berbeza mengikut disiplin ilmu. Bagi ulama Usul al-Fiqh, al-Sunnah merujuk kepada apa jua yang disandarkan kepada Nabi SAW sama ada perkataan, perbuatan atau persetujuan yang berkaitan dengan hukum taklifi seperti wajib, haram, sunat, makruh dan harus. Manakala bagi ulama fiqh (fuqaha'), al-Sunnah merupakan sesuatu amalan yang dituntut dan pelakunya mendapat pahala tetapi tidak berdosa jika ditinggalkan. Bagi ulama akidah, al-Sunnah pula difahami sebagai lawan kepada bid'ah, justeru banyak kitab akidah menggunakan istilah al-Sunnah bagi merujuk kepada pegangan dan ajaran yang menepati petunjuk Rasulullah SAW.

Mengetahui sunnah bukanlah sekadar mengetahui apa yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam kehidupannya yang merangkumi aspek perkataan, perbuatan dan taqrir, tetapi lebih daripada itu. Sunnah menuntut penghayatan dan pengamalan dalam setiap aspek kehidupan. Melalui kefahaman yang benar terhadap sunnah, seseorang Muslim dapat menelusuri jalan yang membawa kepada keredaan dan cinta Allah SWT.

Mengamalkan sunnah adalah jalan untuk meraih cinta Allah SWT. Dalam al-Quran Allah menyatakan bahawa pengamalan sunnah merupakan jalan untuk meraih cinta Allah SWT. Firman Allah SWT:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

“Katakanlah (wahai Muhammad): Jika kalian (benar-benar) mencintai Allah, maka ikutilah aku, nescaya Allah akan mencintai kalian dan mengampunkan dosa-dosa kalian. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.” (Ali ‘Imran: 31)

Ayat ini menegaskan bahawa ukuran sebenar kecintaan kepada Allah SWT bukan sekadar pengakuan di lisan, tetapi mesti dibuktikan dengan ketaatan dan pengamalan sunnah Rasulullah SAW. Allah SWT menjadikan *ittiba'* (mengikuti Rasulullah SAW) sebagai syarat utama untuk

memperoleh cinta dan keampunan-Nya. Ini bermaksud, seseorang tidak akan mencapai cinta Allah melainkan dengan mencontohi seluruh ajaran dan amalan Nabi SAW, sama ada dalam ibadah, akhlak, mahupun urusan kehidupan seharian.

Apabila seorang Muslim beramal dengan sunnah, dia sebenarnya sedang melaksanakan tuntutan ayat ini, iaitu mengikuti Rasulullah SAW sebagai jalan menuju keredaan Allah. Sunnah bukanlah amalan tambahan yang bersifat pilihan semata-mata, tetapi merupakan manifestasi cinta seorang hamba kepada Tuhannya. Maka, semakin kuat seseorang berpegang dengan sunnah, semakin hampir dirinya dengan cinta dan rahmat Allah SWT. Ayat ini juga menunjukkan bahawa cinta kepada Rasulullah SAW adalah cerminan cinta kepada Allah, dan menjauhi sunnah bermaksud menjauhkan diri daripada cinta dan kasih sayang Ilahi. Oleh itu, pengamalan sunnah bukan sahaja melahirkan hubungan spiritual yang mendalam dengan Allah SWT, tetapi juga menjadi sebab kepada pengampunan dosa serta keberkatan hidup di dunia dan akhirat.

Sunnah dilakukan kerana sunnah adalah yang terbaik. Segala amalan, akhlak, dan cara hidup Rasulullah SAW adalah pilihan yang terbaik kerana Baginda diutus sebagai *rahmatan lil 'alamin* dan sebagai contoh sempurna kepada manusia. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

“Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu, (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan yang banyak mengingat Allah.”

Ayat ini menjadi asas bahawa segala sunnah yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW bukan sekadar tradisi, tetapi merupakan model kehidupan unggul dalam semua dimensi termasuk akidah, ibadah, muamalat, kepimpinan, kekeluargaan, dan sosial. Mengamalkan sunnah bermaksud mencontohi jalan terbaik yang dijamin kebenarannya oleh Allah SWT.

Rasulullah SAW diutus untuk menjadi sebaik-baik teladan dalam semua aspek kehidupan. Keperibadian Baginda mencerminkan kesempurnaan dalam hubungan dengan Allah (hablun min Allah) dan dengan manusia (hablun min al-nas). Dalam aspek ibadah, Rasulullah SAW menunjukkan cara beribadah yang penuh khusyuk, ikhlas dan istiqamah. Dalam aspek sosial, Baginda menampilkan nilai kasih sayang, keadilan, dan empati terhadap semua lapisan

masyarakat. Bahkan dalam urusan duniawi seperti berniaga, berkeluarga, dan memimpin, Rasulullah SAW tetap menjadi contoh terbaik yang relevan sepanjang zaman. Oleh itu, mengikuti sunnah bukan hanya terbatas kepada ibadah ritual, tetapi merangkumi seluruh gaya hidup yang berteraskan keseimbangan, hikmah, dan kebenaran.


Amalan sunnah menjadi kunci kepada kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Sunnah bukan sekadar simbol keagamaan, tetapi panduan praktikal untuk mencapai kesejahteraan diri dan masyarakat. Seseorang yang berpegang kepada sunnah akan memiliki ketenangan hati, kestabilan emosi, dan keberkatan dalam kehidupannya. Ini kerana setiap sunnah membawa hikmah yang selaras dengan fitrah manusia. Sunnah dalam makan, tidur, bekerja, atau berinteraksi semuanya mendidik jiwa agar hidup seimbang dan beradab. Hidup berasaskan sunnah membawa kepada ketenangan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Kesimpulannya, kefahaman terhadap sunnah menuntut seseorang Muslim untuk bukan sahaja mengetahui ajaran Rasulullah SAW, tetapi juga menghayatinya sebagai cara hidup menyeluruh. Mengamalkan sunnah kerana cinta kepada Allah, mengiktiraf bahawa sunnah adalah jalan terbaik, serta meneladani Rasulullah SAW dalam setiap aspek kehidupan akan membawa seseorang menuju kebahagiaan sejati di dunia dan di akhirat. Sunnah bukan beban, tetapi rahmat; bukan pilihan sampingan, tetapi jalan utama menuju cinta Ilahi.

Contoh Pengamalan Sunnah

Sunnah yang sesuai untuk dipraktikkan oleh mahasiswa ialah sunnah yang merangkumi aspek ibadah dan muamalah, kerana kedua-duanya saling melengkapi dalam membentuk keperibadian Muslim yang seimbang dari aspek hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia. Sunnah ibadah membantu pelajar memperkukuh hubungan dengan Allah SWT melalui amalan seperti solat berjemaah, membaca al-Quran, berdoa, dan mensyukuri nikmat yang diterima. Ia membina kekuatan rohani dan ketenangan jiwa yang menjadi asas kepada kecemerlangan akademik dan sahsiah. Manakala sunnah muamalah pula membentuk hubungan yang harmoni sesama manusia melalui adab seperti berdoa untuk sahabat, menutup aib orang lain, berkomunikasi dengan hikmah, dan saling menyayangi kerana Allah. Pengamalan kedua-dua jenis sunnah ini menjadikan pelajar bukan sahaja cemerlang dalam ilmu, tetapi juga berakhlak mulia, berdisiplin, dan dihormati oleh masyarakat. Justeru, keseimbangan antara ibadah dan muamalah amat penting agar pelajar dapat menjalani kehidupan kampus dengan nilai Islam yang

menyeluruh dan memberi manfaat kepada diri serta orang lain. Gambaran sunnah yang sesuai dipraktikkan oleh mahasiswa adalah seperti berikut:



Sunnah Ibadah merangkumi segala amalan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam konteks hubungan seorang hamba dengan Allah SWT, sama ada dalam bentuk solat, bacaan al-Quran, doa, mahupun zikir. Antara sunnah ibadah yang wajar diamalkan oleh mahasiswa ialah melazimi solat fardu secara berjemaah untuk memperoleh ganjaran solat berjemaah. Amalan ini menunjukkan keutamaan berjemaah dalam Islam yang bukan sahaja menggandakan pahala, tetapi juga memupuk semangat ukhuwah dan disiplin dalam kalangan Muslim. Selain itu, membaca surah al-Baqarah di rumah merupakan sunnah yang digalakkan kerana surah ini menjadi benteng daripada gangguan syaitan, sebagaimana sabda Nabi SAW bahawa rumah yang dibacakan surah al-Baqarah tidak akan dimasuki syaitan. Bacaan ini tidak terhad kepada rumah baharu semata-mata, tetapi sesuai diamalkan di semua rumah sebagai langkah mendekati diri kepada Allah SWT serta mengekalkan suasana spiritual yang harmoni. Sunnah ibadah seterusnya ialah sujud syukur, iaitu tanda pengiktirafan dan kesyukuran kepada Allah SWT atas nikmat atau kejayaan yang diperolehi. Amalan ini melatih hati agar sentiasa tunduk dan mengakui segala kurniaan datang daripada Allah semata-mata. Selain itu, terdapat juga bacaan sunnah ketika ditimpa sesuatu yang tidak disenangi. Ini berdasarkan hadis Nabi SAW:

وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ، فَلَا تَقُلْ لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَذَا وَكَذَا، وَلَكِنْ قُلْ قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ، فَإِنَّ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلِ

الشَّيْطَانِ

Maksudnya: *Sekiranya sesuatu menimpa kamu maka janganlah kamu ucap “kalau” aku buat seperti itu dan ini tetapi ucaplah Allah telah menetapkan apa yang Dia kehendaki dan lakukan. Sesungguhnya perkataan “kalau” membuka peluang kepada syaitan untuk merosakkan akidah (H.R. Muslim no 2664)*

Jadi, sekiranya ditimpa sesuatu, disunatkan untuk seorang muslim itu membaca:

قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ

“Allah sudah mentakdirkan sesuatu yang dikehendaki dan dilakukan.”

Bacaan ini turut menunjukkan kebergantungan penuh kepada Allah dalam menghadapi ujian kehidupan. Rasulullah SAW melarang untuk kita memikirkan masa silam. Dalam erti kata lain, Rasulullah melarang untuk kita mempertikaikan ketentuan yang telah Allah SWT aturkan pada dirinya. Ia adalah perkara sia-sia dan boleh mendatangkan kegusaran dalam hati sehingga menyebabkan seseorang mula mempertikaikan Qada dan Qadar. Rasulullah SAW mengajar agar umatnya tidak berputus asa, bahkan sentiasa memohon perlindungan dan ketenangan melalui doa. Di samping itu, antara sunnah yang penting ialah membaca doa perlindungan bagi menghilangkan gangguan syaitan dalam solat atau ketika membaca al-Quran. Ini berdasarkan hadis Nabi SAW yang bermaksud:

أَنَّ عُمَانَ بْنَ أَبِي الْعَاصِ، أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ الشَّيْطَانَ قَدْ حَالَ بَيْنِي وَبَيْنَ صَلَاتِي وَقِرَائَتِي يَلْبِسُهَا عَلَيَّ . فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ “ ذَاكَ شَيْطَانٌ يُقَالُ لَهُ خِنْزَبٌ فَإِذَا أَحْسَسْتَهُ فَتَعَوَّذْ بِاللَّهِ مِنْهُ وَانْفِلْ عَلَيَّ يَسَارِكُ ثَلَاثًا ” . قَالَ فَقَعَلْتُ ذَلِكَ فَأَذْهَبَهُ اللَّهُ عَنِّي .

Uthman bin Abi al-‘As radiallahu ‘anhu datang kepada Nabi ﷺ lalu berkata: Ya Rasulullah. Sesungguhnya syaitan telah datang dalam solat ku dan dia mengganggu bacaan ku. Rasulullah ﷺ bersabda: Itulah syaitan yang yang dipanggil Khinzib. Apabila engkau merasai gangguannya, mohonlah perlindungan daripada Allah, dan meludahlah ke sebelah kiri mu tiga kali. Uthman berkata: Aku melakukan hal itu, lalu Allah menghindarkan syaitan daripada ku. [Sahih Muslim, Kitab as-Salam, hadis no: 2203]

Menurut an-Nawawi dalam *Syarah Sahih Muslim*, hadis ini jelaskan sunat meminta perlindungan diri daripada syaitan jika merasa bisikan, disertai dengan meludah ke arah kiri tiga kali. Menoleh

ketika solat untuk berlindung kepada Allah daripada syaitan terkutuk ketika mendapat bisikan adalah boleh, bahkan disunatkan ketika keperluan memuncak dan ianya cukup dengan kepala sahaja.

Amalan ini sebenarnya bukan sahaja melindungi diri daripada gangguan waswas, tetapi juga membantu meningkatkan kekhusyukan dalam ibadah.

Contoh terakhir, berdoa sebelum memberi salam dalam solat juga merupakan sunnah yang sangat digalakkan, kerana ketika itu doa seseorang amat dekat untuk dimakbulkan oleh Allah SWT. Antara doa yang diajarkan Rasulullah SAW ialah memohon perlindungan daripada azab kubur, fitnah hidup dan mati, serta kejahatan Dajjal. Doa sunnah yang boleh diamalkan ialah berdasarkan hadis ‘Aisyah r.a., bahawa ‘Aisyah r.a. memberitahu, bahawa Nabi SAW berdoa dalam solat sebelum salam:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ،
اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْمَأْتَمِ وَالْمَغْرَمِ

Maksudnya: “*Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung dengan Engkau dari azab kubur, dan aku berlindung dengan Engkau dari fitnah Dajjal, dan aku berlindung dengan Engkau dari fitnah semasa hidup dan saat kematian. Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung dengan Engkau dari dari perbuatan dosa dan kesusahan hutang.*”

Riwayat al-Bukhari (832) dan Muslim (129)

Keseluruhannya, pengamalan sunnah ibadah ini bukan sahaja menguatkan hubungan spiritual mahasiswa dengan Allah SWT, tetapi juga membentuk disiplin rohani dan jiwa yang tenang dalam menempuh kehidupan seharian di universiti.

Dari sudut sunnah Muamalah pula, ia merangkumi segala amalan dan adab yang boleh dicontohi oleh Rasulullah SAW dalam urusan hubungan sesama makhluk. Ia melibatkan sikap, tutur kata, dan tindakan yang mencerminkan akhlak mulia, kasih sayang, serta keprihatinan terhadap sesama makhluk. Antara sunnah muamalah yang digalakkan untuk diamalkan oleh mahasiswa ialah mendoakan orang yang berbuat baik kepada kita. Apabila seseorang memberi pertolongan, Rasulullah SAW mengajar agar kita membalasnya dengan ucapan doa seperti “*Jazakallahu khayran*” (semoga Allah membalasmu dengan kebaikan). Ucapan ini membuktikan bahawa hanya Allah yang mampu membalas kebaikan yang dilakukan oleh seseorang kepada kita.

Ganjaran kebaikan yang Allah berikan iaitu syurga itu nilainya sangat tinggi berbanding nikmat yang lain.

Selain itu, Rasulullah SAW juga mengajarkan agar mengulang tiga kali apabila menyampaikan perkara penting, supaya mesej yang disampaikan benar-benar difahami dan tidak disalah erti. Amalan ini menunjukkan betapa telitinya Nabi SAW dalam berkomunikasi serta menjadi contoh kepada umatnya agar berhemah dan berhati-hati dalam percakapan.

Sunnah muamalah seterusnya ialah menutup aib sesama Muslim, yang mencerminkan nilai kasih sayang dan empati dalam Islam. Rasulullah SAW bersabda bahawa sesiapa yang menutup aib saudaranya di dunia, Allah akan menutup aibnya di akhirat. Ini menunjukkan betapa besar ganjaran bagi mereka yang menjaga maruah orang lain dan tidak menyebarkan keburukan. Begitu juga berdoa untuk saudara secara sembunyi merupakan sunnah yang amat disukai oleh Allah SWT, kerana malaikat akan mendoakan kebaikan yang sama bagi orang yang berdoa itu. Ia melatih keikhlasan hati dan memperkukuh ukhuwah Islamiyyah tanpa mengharapkan balasan duniawi. Antara sunnah yang lain ialah membaca doa apabila dipuji oleh orang lain, seperti doa yang diajarkan oleh Rasulullah SAW: *“Ya Allah, janganlah Engkau hukum aku kerana apa yang mereka katakan, ampunilah aku atas apa yang mereka tidak ketahui, dan jadikanlah aku lebih baik daripada apa yang mereka sangkakan.”* Doa ini mendidik hati agar tidak terpedaya dengan pujian dan sentiasa merendah diri. Contoh terakhir, mengucapkan “Aku menyayangimu kerana Allah” kepada sahabat juga termasuk dalam sunnah yang sangat digalakkan, kerana ia mempererat kasih sayang atas dasar iman dan ketakwaan, bukan kerana kepentingan dunia. Secara keseluruhannya, pengamalan sunnah muamalah bagi menjaga hubungan sesama manusia ini mampu membentuk peribadi mahasiswa yang berakhlak mulia, berjiwa penyayang, dan membina suasana kampus yang harmoni berlandaskan kasih sayang dan persaudaraan Islam.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa kefahaman dan pengamalan Sunnah dalam kalangan mahasiswa Muslim merupakan elemen penting dalam pembentukan jati diri, pemikiran dan amalan kehidupan berteraskan nilai-nilai Islam. Dapatan sorotan literatur menunjukkan bahawa meskipun Sunnah diiktiraf sebagai sumber utama panduan kehidupan, tahap kefahaman dan pengamalannya dalam kalangan mahasiswa Muslim masih berhadapan dengan pelbagai cabaran, khususnya dalam konteks pengaruh globalisasi dan persekitaran moden. Oleh itu, kajian ini memberi sumbangan dengan mengenal pasti jurang penyelidikan sedia ada serta

menekankan keperluan kajian lanjutan yang lebih komprehensif. Usaha ini penting bagi merangka strategi pendidikan dan pendekatan pembudayaan sunnah yang lebih berkesan, agar mahasiswa mampu menghayati dan mencintai Sunnah seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

RUJUKAN

- A'toa'Mokhtar, A., & Noor, M. M. (2021). Zikir dan Tafakkur Asas Psikoterapi Islam: Zikir and Tafakkur as a Basic of Islamic Psychotherapy. *Jurnal Pengajian Islam*, 204-217.
- Abdul Halim, A., Yabi, S., & Hoque, M. (2019). Penglibatan ahli akademik terhadap pengajaran hadith. *Journal of Hadith Studies*, 4(1), 1-14. [https://doi.org/10.33102/johs.v4i1.62]
- Abdul Rashid, M. H., & Narowi, M. (2020). Pengamalan sunnah dalam kalangan pelajar Islam di Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial di Universiti Selangor. *Jurnal Hadhari Edisi Pelajar Islam*, 3(1), 45-58. [https://ejournal.kuipsas.edu.my/index.php/jhepi/article/view/175]
- Ahmad, A. B. M., & Mardiana, M. N. (2021). Zikir dan tafakkur asas psikoterapi Islam [Zikir and tafakkur as a basic of Islamic psychotherapy]. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(Special Edition), 204-217.
- Ahmad, M. S., Ramli, M. R. D., Osman, K., & Mokhtar, A. I. (2023, July 11). *Penghayatan sunnah di kalangan mahasiswa Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*. In *Seminar Pengukuhan Kefahaman Ahli Sunah WalJamaah 2023* (pp. 1-12). Universiti Kebangsaan Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/372563411_PENGHAYATAN_SUNNAH_DI_KALANGAN_MAHASISWA_FAKULTI_PENGAJIAN_ISLAM_UNIVERSITI_KEBANGSAAN_MALAYSIA
- Bidin, H., Baharuddin, A. S., & Mustari, M. I. (2013). Kefahaman ibadat solat fardu dalam kalangan pelajar Muslim: Kajian tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Sains Humanika*, 5(3), 19-26. [https://doi.org/10.11113/sh.v5n3.663]
- Mohd Latif, H., Mohamed, N., Donyavi, S., & Samsudin, N. S. (2024). Qualitative research challenges in assessing rainwater harvesting implementation fidelity for reliable data. *Planning Malaysia*, 22(31), 179-193
- Muhammad Ali, R. (2013). *Program pembangunan masyarakat Aceh selepas pelaksanaan syariat Islam: kajian dari perspektif dakwah/Razali bin Muhammad Ali* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Muhammad Hafiy Bin Abdul Rashid & Mumtazah binti Narowi (2021). Pengamalan Sunnah Dalam Kalangan Pelajar Islam Di Fakulti Pendidikan Dan Sains Sosial Di Universiti Selangor. *International Conference And Mukhtar On Prophetic Sunnah (ICMAS 2021)*

- Muhammad Hafiy, A. R., & Mumtazah, N. (2021). Pengamalan sunnah dalam kalangan pelajar Islam di Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial di Universiti Selangor [Sunnah practice among Muslim students at the Faculty of Education and Social Sciences, University of Selangor]. *Proceedings of the 2021 International Conference and Mukhtamar on Prophetic Sunnah (ICMAS 2021)* (pp. 144-150).
- Ndhlovu, P., & Pasipamire, N. (2022). Use of the Secondary Data Analysis Method in Library and Information Science Research: An Analysis of Research Articles from Selected Journal Databases. *Southern Africa Journal of Communication and Information Science*, 34-48
- Rosdi, A. Z., Syed Hassan, S. N., & Mahfuz, M. S. (2019). Penerimaan pelajar dan penggunaan M-pembelajaran terhadap pengajian hadis. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(1), 13-26. [<https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.103>]
- Siti Nor Sa'adah, R., Muhammad Rifdi Muhaimin, M. R., Ahmad Irdha, M., & Khazri, O. (2023, July 11). Pengamalan sunnah Rasulullah SAW oleh pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia [The practice of the Prophet Muhammad's Sunnah among students at the National University of Malaysia]. *Seminar Pengukuhan Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah 2023*, Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.researchgate.net/publication/372498091>
- Syed Aziz, N., Mastor, A. J., & Dzulkifli, I. (2017). Pelaksanaan amalan sunat dan hubungannya dengan kecemerlangan sahsiah pelajar tahfiz di Selangor. *Jurnal Pendidikan Islam*, 5(2), 77-92. [<https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/100>]
- Talatu Adamu Rabasa & A.Abrizah, "Academic librarians' roles and competencies in research partnership: A qualitative study." (2022). *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 27(3), 69-95.
- Talib, N. H. F., Abd Halim, A. H., & Mohd Shafie, B. H. (2018). Tahap pengetahuan Islam dan penghayatan akhlak pelajar semester 1: Satu kajian di Politeknik Banting Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 2(2), 1-9. [<https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no2.14>]
- Yama, P., Mohd Noor, M. S., Ibrahim, S. Z., Che Omar, S. A., & Rozeli, M. I. S. (2018). Penguasaan komunikasi Islam dalam kalangan pelajar Sarjana Muda al-Quran dan al-Sunnah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Journal of Hadith Studies*, 3(2), 33-45. [<https://doi.org/10.33102/johs.v3i2.58>]